

**ORIGINAL ARTICLE**

**MJSSH**  
Mualim Journal of  
Social Science and Humanities

## CABARAN PDPR BAHASA TAMIL DI SEKOLAH LUAR BANDAR

## CHALLENGES OF TAMIL LANGUAGE PDPR IN RURAL SCHOOLS

Tamilmullai A/P Thannimalai \*<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Faculty of Language and Communication, Sultan Idris Education University, Malaysia.

Email: [tha.tamilmullai@gmail.com](mailto:tha.tamilmullai@gmail.com)

\*Corensponding author

DOI: <https://doi.org/10.33306/mjssh/147>

### Abstract

This study is entitled Challenges of Tamil Language Pdpr in Rural Schools. This study uses a qualitative study with analysis of available journals from a variety of reliable sources. The objective of this study is to be a guide for students to follow PdPR optimally and a guide for teachers to implement PdPR in a structured and planned manner. There are several challenges in implementing PdPR, namely teachers are not prepared for the new norms of PdPR, students often get interrupted while implementing PdPR. The study found that PdPR is an implication of a holistic assessment. Several suggestions have been submitted for the improvement of PdPR, namely the improvement of the syllabus set by the MOE during the implementation period of PKP to better suit the needs of students.

**Keywords:** PdPR Challenge, Tamil Language, Rural Schools

### Abstrak

Kajian ini bertajuk Cabaran Pdpr Bahasa Tamil Di Sekolah Luar Bandar. Kajian ini menggunakan kajian secara kualitatif dengan analisis jurnal yang terdapat dari pelbagai sumber yang boleh dipercayai. Objektif kajian ini adalah untuk menjadi panduan kepada murid mengikuti PdPR secara optimum dan panduan kepada guru untuk melaksanakan PdPR secara berstruktur dan terancang. Terdapat beberapa cabaran dalam melaksanakan PdPR iaitu guru kurang bersedia terhadap norma baru PdPR, murid sering mendapat gangguan semasa melaksanakan PdPR. Kajian mendapati bahawa PdPR adalah implikasi dari pentaksiran holistik. Beberapa cadangan telah

dikemukakan bagi penambahbaikan PdPR iaitu dengan penambahbaikan silibus yang ditetapkan oleh KPM dalam tempoh pelaksanaan PKP untuk lebih baik bersesuaian dengan keperluan murid.

### Kata Kunci: Cabaran PdPR, Bahasa Tamil, Sekolah Luar Bandar

This article is licensed under a Creative Commons Attribution-Non Commercial 4.0 International License



Received 1<sup>th</sup> April 2021, revised 28<sup>th</sup> April 2021, accepted 22<sup>th</sup> May 2021

## Pengenalan

Kementerian Pendidikan Malaysia telah memperkenalkan PDPR sebagai kegunaan pembelajaran semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di tahun 2020 dan kini PKP berterusan di tahun 2021. Sebelum menghurai lebih mendalam, PDPR adalah singkatan bagi Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah dan Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengeluarkan satu manual untuk kegunaan guru dalam pengajaran mengikut sukanan semasa PDPR berlangsung. Kegunaan PdPR adalah untuk kegunaan pembelajaran sama ada guru dan murid juga memberikan peluang kepada individu untuk mencapai potensi diri serta memberikan peluang pendidikan sama rata kepada semua pelajar sekiranya mereka tidak dapat menghadiri kelas namun dengan adanya PdPR mereka mampu menerima ilmu di mana sahaja mereka berada. “*PdPR ialah PdP yang dilaksanakan di rumah atau pusat komuniti atau di mana-mana lokasi yang bersesuaian. PdPR boleh dilaksanakan dalam talian dan/atau luar talian dan/atau off-site dengan berstruktur dan terancang*”. PdPR mempunyai dua objektif iaitu menjadi panduan kepada murid mengikuti PdPR secara optimum dan panduan kepada guru untuk melaksanakan PdPR secara berstruktur dan terancang.

Dalam PdPR, medium penghantaran maklumat adalah seperti ePermainan (*gamification*), video, klip audio, eBuku, rakaman video atau tugas dalam talian, *Google Meet* atau *Microsoft Teams* (*live streaming*), *DELIMA*, *Cikgoottube* dan aplikasi media sosial. Cara murid belajar adalah melalui “*real time*” menggunakan peranti yang mempunyai capaian internet yang stabil. Namun begitu, terdapat juga pendekatan PdPR secara luar talian seperti menggunakan peranti yang tiada capaian internet setelah memuat turun soalan murid boleh menggunakan peranti mereka seperti komputer, komputer riba, tablet atau telefon pintar untuk membuat kerja sekolah dan mengulangkaji pelajaran (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2020)<sup>1</sup>. Melalui keperluan dunia pada hari ini, dunia pendidikan menjadi semakin moden dalam menghadapi cabaran dunia yang semakin membangun (Mary Yap Kain Ching, 2015)<sup>2</sup>. Dalam pembangunan sebuah negara, ekonomi dan teknologi adalah sangat penting (Dr. Muhamad Sham bin Shahkat Ali, 2006)<sup>3</sup>. Oleh itu, pendidikan menjadi kunci utama yang amat penting di zaman pemodenan yang mencabar ini. Dalam menjadikan pendidikan di negara kita dapat bersaing di peringkat global, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengambil pelbagai langkah untuk memastikannya terus berkembang. Bagi

pendidikan di seluruh sekolah di Malaysia, KPM telah memperkenalkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) pada tahun 2013 hingga 2025 sebagai langkah dalam menggabungkan teknologi multimedia dan komunikasi (TMK). Bagi memenuhi matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan, tema hari guru iaitu ‘Berguru Demi Ilmu, Bina Generasi Baru’ memainkan peranan dalam memperkasakan keilmuan dan nilai profesionalisme seseorang guru bagi membina generasi baharu (Luqman Arif Abdul Karim, 2020)<sup>4</sup>. Melalui PnP dalam talian, guru-guru tidak pernah berduduk diam namun sebaliknya terus mencerahkan imu semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) iaitu sejak 18 Mac dan sehingga Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) sekarang. Bagi menyampaikan ilmu kepada pelajar, Mohd Azizee Hasan yang merupakan Presiden Ikatan Guru-Guru Muslim Malaysia (i-Guru) menyatakan pendapat bahawa semua warga pendidik khususnya bagi yang bergelar guru perlu melengkapkan diri mereka dalam penguasaan teknologi digital dan ilmu berkaitan *e-learning* (Mohd Amin Jalil, 2020)<sup>5</sup>.

Pengamalan norma baru memerlukan semua guru perlu meningkatkan serta membuat kesiapsiagaan dalam ilmu, kompetensi, keupayaan serta kemahiran dalam meneruskan kaedah PnP secara atas talian. Melalui aspek penyampaian ilmu, pentaksiran serta pengajaran, kesiapsiagaan dapat dilihat. Demi melahirkan generasi yang celik dalam bidang Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK), guru perlu ada anjakan paradigma untuk menerima senario baru. Cabaran dalam Revolusi Industri 4.0, hal sedemikian amatlah penting dalam menjadikan pelajar sebagai generasi digital (Norain Binti Badru, Shajianah Binti Asman dan Hasmidah Orlando, 2020)<sup>6</sup>. Dalam memastikan penyampaian ilmu itu tetap diteruskan, Mohd Azizee ada menyatakan yang guru sebaliknya perlu memikirkan cara mengatasi masalah capaian internet, ketiadaan peranti digital pintar, serta sikap murid dalam memastikan pendidikan secara atas talian itu terus berjalan secara lancar dan berkesan (Bernama, 2020)<sup>7</sup>. Hal ini dikatakan demikian kerana tidak semua pelajar boleh menerima cara pembelajaran dalam talian. Guru-guru perlu memberi perhatian kepada pelajar-pelajar yang mempunyai kekangan tersebut supaya mereka tidak tercincir dalam proses pembelajaran. Perkara paling penting sekali dalam kalangan masyarakat adalah sentiasa tidak hilang semangat dalam menimba ilmu, demikian juga dengan guru supaya tidak hilang semangat dalam menyampaikan ilmu. PdPR dijalankan secara dalam talian seperti *Google Classroom*, *Google Meet*, *Zoom Cloud Meeting*, *Youtube* dan lain-lain yang menyebabkan suasana pembelajaran jauh berbeza dalam tempoh PKP berbanding sebelumnya (Asbah Razali, Fauziah Ani dan Siti Nor Azhani Mohd Tohar, 2020)<sup>8</sup>.

Namun, terdapat juga pelajar yang tidak menyiapkan kerja sekolah dan menghadiri kehadiran di kelas secara atas talian walaupun guru-guru telah menyediakan pelbagai bahan dan persiapan. Jadi, guru-guru terpaksa menunggu kehadiran anak-anak murid selama dua jam atau lebih. Kebanyakkannya juga yang berbuat demikian adalah pelajar-pelajar yang menduduki peperiksaan tahun 6. Walaupun bahan PdPR dilakukan dalam bentuk video, kartun dan lagu, sambutan daripada pelajar sudah semakin berkurangan. Namun begitu, masih terdapat juga guru yang rajin menelefon ibubapa pelajar dengan bertanya supaya semua pelajar dapat terlibat dengan sesi pembelajaran secara atas talian. Manakala di Sabah dan Sarawak, yang terletak di kawasan

pedalaman, kebanyakkan pengajaran dan pembelajaran dalam talian sangat terbatas kerana mempunyai capaian internet yang tidak stabil dan ketiadaan alat peranti pintar. Apabila pelajar-pelajar tidak mempunyai alat peranti pintar, guru-guru akan menghantar tugas melalui aplikasi *WhatsApp* di dalam kumpulan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG). Manakala bagi yang tidak mempunyai capaian internet, guru-guru itu sendiri akan menghantar tugas di kediaman pelajar tersebut secara bersemuka. Bergantung dengan keadaan cuaca, sekolah tersebut terletak kira-kira dalam lima hingga enam jam daripada bandar besar. Kebanyakkannya, perjalanan dari sekolah ke rumah murid-murid mengambil masa paling lama mencecah dua jam dan ada yang perlu melalui jalan balak atau menggunakan perahu.

### **Cabaran Pdpr Kepada Guru, Pelajar Dan Ibu Bapa**

Pelajar, guru dan ibu bapa berdepan dengan pelbagai isu dalam Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdPR) yang amat memberikan cabaran kepada mereka. Dalam sebuah sekolah pelajar dari kelas belakang adalah pelajar yang selalu mendapat markah rendah dan juga yang keterlibatan mereka dalam kelas secara atas talian agak rendah.

Sebagai contohnya, jumlah keseluruhan murid di dalam kelas iaitu 27 orang, tetapi yang mengikuti kelas secara atas talian pula Cuma terdapat 19 orang sahaja. Pemantauan disiplin dan tumpuan pelajar juga adalah menjadi salah satu cabaran dalam melaksanakan PdPR. Apabila murid yang lemah, mereka akan ketinggalan dalam pembelajaran, manakala murid yang pandai pula akan selamat. Apabila disekolah, murid boleh dipanggil oleh guru secara bersemuka untuk mendapatkan motivasi. Tetapi apabila pembelajaran dilaksanakan secara atas talian, ia bergantung kepada pelajar itu sendiri dan ibu bapanya untuk menasihati anak-anaknya. Cabaran yang dihadapi oleh pelajar dalam pembelajaran secara atas talian ialah terganggu kerana adik yang sering membuat bising sambil menyatakan kesukaran untuk mendengar suara guru yang tengah mengajar secara dalam talian.

Selain daripada itu, skrin telefon bimbit yang kecil juga menjadi satu cabaran kerana apa yang dimuat naik oleh guru semasa pembelajaran secara atas talian menggunakan *google meet* mahupun *zoom meeting*, ianya tidak dapat dilihat dengan jelas. Dalam mengendalikan PdPR, ibu yang selalu sibuk dengan pekerjaan mereka yang mempunyai anak bersekolah di tahun 1 dan 2 akan menyatakan guru yang tidak konsisten dalam melaksanakan PdPR dengan bertukar-tukar menggunakan platform seperti *Telegram*, *Whatsapp*, dan *Google Meet*. Kadang-kadang, waktu kelas bermula lewat. Contohnya dalam jadual kelas bermula pada jam 9.00 tetapi guru melaksanakannya pada jam 10.00. Dalam pelajar membuat tugas yang diberikan oleh guru-guru, ibu bapa terpaksa mempelajari aplikasi *Google Classroom* dan sebagainya. Seterusnya, seorang ibu yang merupakan seorang ahli perniagaan akan risau untuk membelikan anaknya telefon bimbit kerana berdasarkan pengalaman masyarakat semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), anak-anak dirumah menjadi sangat leka dengan permainan video Ketika ketiadaan ibu dan bapa yang keluar berniaga di luar. Maka ibu dan bapa tersebut semasa PKP hanya membenarkan anak mereka

mengikuti kelas secara atas talian menggunakan telefon bimbit milik mereka mengikut masa yang ditetapkan sahaja. Dalam memastikan anak-anak mengikuti PdPR, ibu bapa juga perlu memainkan peranan dalam memantau anak-anak mereka supaya tidak tercicir dan memastikan anak-anak berdisiplin. Ibu bapa mencuri-curi masa bagi memantau anak-anak dalam memastikan keterlibatan anak-anak mengikuti kelas secara atas talian seperti penggunaan aplikasi *Google Meet*, *Google Classroom*, *Telegram*, *WhatsApp* dan lain-lain. Sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), cabaran yang harus ditempuhi oleh seluruh warga pendidik adalah dalam memastikan kelancaran sesi Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPR) berjalan secara lancar. Hal ini dikatakan demikian kerana dalam proses penyampaian sesi PdPR dalam talian, selain daripada kekangan teknologi seperti telefon pintar, ada di kalangan pelajar yang tidak mempunyai capaian internet yang efisien terutamanya bagi pelajar yang tinggal di kawasan pedalaman.

### **Implikasi Pdpr Kepada Guru, Pelajar Dan Ibu Bapa**

Pendidikan dalam talian merupakan implikasi ketiga yang dinyatakan oleh Ehwan Ngadi (2020)<sup>9</sup> dalam akhbar pentaksiran holistik. Terdapat juga perkara dari sisi positif walaupun perkara tersebut dilihat kelihatan mempunyai kesan negatif yang dinyatakan oleh segelintir pengkaji. Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan pembelajaran secara atas talian menggunakan *Google Classroom* mengikut panduan pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) bermula 1 April kerana Prof Dr Fatin Aliah Phang (2020)<sup>10</sup> ada menjelaskan supaya pelajar tidak boleh ketinggalan dalam pendidikan. Tambahan pula, pentaksiran juga dilaksanakan secara atas talian. Namun pentaksiran secara atas talian dengan pentaksiran kertas dan pensil telah dijadikan spekulasi yang dibuat oleh masyarakat. Dalam mengatur pembelajaran dan persediaan menghadapi peperiksaan, Dr Hasnah Husiin (2020)<sup>11</sup> menggunakan aplikasi popular yang mudah diakses iaitu *Google Classroom* dan *Google Meet*. Mengikuti masa pembelajaran di rumah, pelajar mempunyai banyak masa dan boleh dibantu oleh ibu bapa mahupun adik-beradik mereka. Sehubungan dengan itu, Menteri Pendidikan mengumumkan sesi pembukaan sekolah dan penyusunan semula takwim peperiksaan susulan cabaran yang dibawah oleh pandemik COVID-19 (Professor Dr Abdul Rashid Jamian, 2020)<sup>12</sup>.

Sistem peperiksaan merupakan satu pembangunan murid secara holistik. Walaupun Ujian Penilaian sekolah rendah (UPSR) dan Pentaksiran Tingkatan 3 dibatalkan, pembabitan aktiviti kokurikulum, kegagalan dan kejayaan seseorang murid itu hendaklah diambil kira. Dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang telah digubal sejak 1988, pembentukan insan yang seimbang dalam semua aspek sudah tertera. Namun begitu, Kementerian Pendidikan masih memikirkan cara terbaik untuk mengukur dan mentaksir murid pada peringkat sekolah rendah dan menengah. Pelajar, guru dan ibu bapa perlu mengikuti norma baharu dalam dunia pembelajaran. Dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM), enam ciri utama diperlukan setiap murid untuk bersaing di peringkat global. Turut menjadi persoalan juga apabila kesetaraan pembelajaran secara atas talian dan pembelajaran bertulis menggunakan pensil dan kertas. Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran secara atas talian menjadi keperluan apabila seluruh dunia berhadapan dengan

masalah penularan wabak Covid-19 termasuk juga negara kita, menurut Dr Muzaffar Shah Mallow (2020)<sup>13</sup>. Pembelajaran secara atas talian mendedahkan pelajar kepada pelbagai jenis aplikasi dan teknologi terkini yang mempunyai pelbagai faedah pengajaran dan pembelajaran. Selain daripada membendung penularan wabak COVID-19, pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran secara atas talian banyak memberikan manfaat kepada semua pihak khususnya bagi yang bergelar pelajar. Ketika pentaksiran secara atas talian, sudah terbukti yang terdapatnya pembelajaran yang holistik dicapai oleh murid. Ia membabitkan identiti nasional, etika dan kerohanian kemahiran dwibahasa, kemahiran memimpin, kemahiran berfikir dan juga pengetahuan. Aktiviti dan latihan untuk mengukur keupayaan murid merupakan kesetaraan pentaksiran. Ucapan yang diberikan oleh Timbalan Menteri Pendidikan Datuk Dr Mah Hang Soon yang ada menyatakan bahawa pelaksanaan kaedah pembelajaran secara atas talian boleh merancang pengajaran dan pembelajaran (PdP) melalui penjajaran kurikulum dan ini menjadikan bukti yang paling kukuh berkaitan dengan kesetaraan pentaksiran dakam talian dan pentaksiran menggunakan kertas dan pensil. Dalam pelaksanaan pembelajaran teradun adalah berkaitan dengan gabungan teknik pengajaran bersemuka di dalam bilik darjah atau pembelajaran di rumah yang dirancang dengan berstruktur. Kementerian Pendidikan Malaysia memberikan penerangan secara dalam talian untuk bimbingan pelaksanaan kurikulum yang dijajarkan dalam tempoh persekolahan yang bernaki pada tahun 2020. Pihak yang berkenaan perlulah fokus dalam bidang pembelajaran atas talian kerana ianya masih belum mencapai tahap yang agak memuaskan. Pembelajaran secara atas talian menjadi suatu keperluan apabila penguatkuasaan PKP dilaksanakan, menurut Pensyarah Pusat Pendidikan dan Kesejahteraan Komuniti, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Anuar Ahmad.

Pembelajaran secara atas talian merupakan pilihan pertama dalam tempoh pelaksanaan PKP. Sebelum melaksanakan pembelajaran secara atas talian, pensyarah perlu menyediakan bahan-bahan pengajaran. Pensyarah harus meningkatkan kemahiran dalam teknologi maklumat, pegagogi dan penilaian dalam talian. Capaian internet menjadi isu utama yang dihadapi oleh pelajar. Namun begitu, semua universiti juga mempunyai platform pembelajaran dalam talian. Pembelajaran secara dalam talian seperti penggunaan aplikasi *Zoom* menjadi pilihan kedua kerana tidak semua pelajar ada capaian internet yang baik di tempat masing-masing khususnya lagi yang tinggal dikawasan pedalaman. Manakala penggunaan aplikasi *WhatsApp*, *Google Classroom*, *Telegram* dan sebagainya merupakan pilhan utama kerana ianya bukan dalam bentuk ‘*real time*’. Kekurangan prasarana terutamanya internet di kawasan luar bandar menjelaskan yang Malaysia masih belum bersedia dengan menggunakan kaedah pembelajaran secara atas talian. Penggunaan pembelajaran dalam talian di peringkat universiti belum sampai ke tahap maksimum, kata Naib Kaunselor Universiti Pendidikan Sultan Idris, Professor Datuk Dr Mohammad Shatar Sabran (Bernama, 2020)<sup>14</sup>. Ini memandangkan kaedah bersemuka dengan pelajar tetap menjadi pilihan. Berkemungkinan jika ada pelajar yang mempunyai masalah ianya hanya dalam lingkungan lima peratus sahaja. Aplikasi seperti *WhatsApp* dan *Telegram* merupakan inisiatif lain untuk pelaksanaan pembelajaran secara atas talian. Persidangan, perdebatan dan lain-lain jenis pembelajaran semuanya dilakukan secara atas talian. Indonesia, Kota Kinabalu, Sibu, Tawau merupakan beberapa pelajar yang dari UPSI dan kini UPSI merancang untuk menambahkan lagi kampus di beberapa negara seperti China dan Asia Barat (Bernama, 2020)<sup>14</sup>. Namun begitu, sudah

pasti masalah bakal menimpa sekaligus meningkatkan logistik kepada pensyarah jika tiada pembelajaran secara atas talian dilaksanakan.

### Cadangan Pdpr Kepada Guru, Pelajar Dan Ibu Bapa

Silibus yang ditetapkan oleh KPM terkesan apabila tempoh pelaksanaan PKP dilanjutkan lagi kata salah seorang daripada Guru Cemerlang Bahasa Melayu, Haslindar Nor Ismail, Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Mulia (Mohd Khairul Anam Md Khairudin, 2021)<sup>15</sup>. Sejak 18 Mac tahun lalu PKP dilaksanakan, cara beliau bagi memastikan pelajarnya tidak ketinggalan ialah beliau menggunakan aplikasi *Google Classroom* untuk memuat naik semua tugas besar beserta nota-nota pembelajaran. Beliau yang sudah berpengalaman dari mengajar selama 20 tahun berkata yang tidak semua pelajar masuk dan turut terlibat dalam kelas secara maya yang dilaksanakan tersebut. Antaranya para pelajar mempunyai banyak halangan dalam mengikuti kelas secara atas talian. Suasana yang berbeza daripada kelas harian biasa secara bersemuka menyebabkan para pelajar tidak dapat menyesuaikan dan melibatkan diri lagi dengan pembelajaran secara atas talian. Tambahan lagi, dalam menyampaikan bahan pengajaran dan pembelajaran murid, masih ramai juga guru yang kurang berkemahiran dalam penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK). Dalam siaran MStar (2021)<sup>16</sup> ada menyatakan seorang guru telah tular dimedia sosial kerana telah dijadikan bahan jenaka oleh masyarakat akibat cara penyampaiannya yang tidak sesuai dengan pandangan masyarakat. Namun ada juga yang memberikan kata semangat kerana guru tersebut bukanlah guru Bahasa namun guru Sains menjadikan pembentangan atas talian tidak begitu memuaskan.

### Ringkasan

Secara ringkasnya, PdPR adalah singkatan kepada Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah yang telah dijelaskan oleh dan Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 2020 bermulanya PdPR ketika penutupan sekolah tidak kira sekolah rendah, sekolah menengah maupun peringkat tinggi seperti Universiti. Semua pelajar dikehendaki pulang kerumah masing-masing dan meneruskan pelajaran dirumah secara PdPR. Hal ini berlaku sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di tahun 2020. Setiap kaedah pembelajaran pastinya mempunyai cabaran masing-masing dalam menyampaikan maklumat dan tidak terkecuali bagi PdPR apatah lagi ia adalah norma baharu yang perlu dikendalikan oleh guru serta murid. Pastinya sangat sukar namun apakan daya perlu diteruskan juga. Cabaran yang telah dijelaskan dalam kajian ini ada tiga fokus utama iaitu keperluan peranti adalah sangat diperlukan apatah lagi untuk ibu bapa yang tidak mempunyai wang yang cukup untuk membeli peralatan atau peranti yang sesuai untuk kegunaan pelajar. Kedua adalah Kurangnya Pemantauan Disiplin dan tumpuan pelajar semasa sesi PdPR. Ketiga adalah menggunakan masa dalam tempoh yang panjang untuk mengambil dan menghantar kertas kerja yang diperlukan oleh murid untuk disemak oleh guru. Akhir sekali, kerana masyarakat risau akan pendidikan anak mereka begitu banyak cadangan yang diberikan untuk membaik pulih keadaan

ini dan supaya pihak sekolah lebih mampan dalam menyediakan bahan belajar untuk murid maka dicadangkan silibus yang ditetapkan oleh KPM ditambah baik dalam tempoh pelaksanaan PKP untuk lebih baik bersesuaian dengan keperluan murid. Kajian ini akan memanfaatkan pembaca khususnya guru dan ibu bapa yang terkesan semasa Pandemik COVID-19.

### Rujukan:

1. Kementerian Pendidikan Malaysia. (2020). Manual Pengajaran Dan Pembelajaran Di Rumah. Dilihat 28 Februari 2021 dari <https://www.moe.gov.my/muat-turun/lain-lain/manual-pdp-di-rumah/3728-slaid-manual-pdpdr/file>
2. Mary Yap Kain Ching. (2015). *Guru berperanan lahir pelajar capai standard global*. Dilihat 28 Februari 2021 dari <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2015/08/74472/guru-berperanan-lahir-pelajar-capai-standard-global>
3. Muhamad Sham bin Shahkat Ali. (2006). *ICT: Peranan dan Potensi dalam Pembangunan Pelajar*. Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan Pelajar 2006 (NASDEC 2006) Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
4. Luqman Arif Abdul Karim. (2020). 'Berguru Demi Ilmu, Bina Generasi Baharu' tema Hari Guru. Dilihat 28 Februari 2021 dari <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/687742/berguru-demi-ilmu-bina-generasi-baharu-tema-hari-guru>
5. Mohd Amin Jalil. (2020). *i-Guru sokong tak sambung PPSMI*. Dilihat 28 Februari 2021 dari <https://origin.bharian.com.my/berita/nasional/2020/07/711920/i-guru-sokong-tak-sambung-ppsmi>
6. Norain Binti Badru, Shajianah Binti Asman & Hasmidah Orlando. (2020). *Cabaran Revolusi Industri 4.0: Satu Proposisi Berganda Mahasiswa & Graduan Universiti*. 1. 1-25
7. Bernama. (2020). *Cabaran mengajar dalam talian*. Dilihat 28 Februari 2021 dari <https://www.sinarharian.com.my/article/76874/BERITA/Nasional/Cabaran-mengajar-dalam-talian>
8. Asbah Razali, Fauziah Ani & Siti Nor Azhani Mohd Tohar. (2020). *Cabaran Masyarakat Hari Ini: Malaysia Dalam Menghadapi Perubahan Sosial Dan Revolusi Industri 4.0*. Pusat Pengajian Teras, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.
9. Ehwan Ngadi. (2020). *COVID19: Implikasi Pengajaran dan Pembelajaran Atas Talian*. Dilihat pada 2 Disember 2020 dari <https://www.usim.edu.my/news/in-our-words/covid19-implikasi-pengajaran-dan-pembelajaran-atas-talian/>
10. Fatin Aliah Phang. (2020). *Pembelajaran Atas Talian Untuk Pembelajaran Sepanjang Hayat*. Dilihat pada 2 Disember 2020 dari <https://news.utm.my/ms/2020/04/pembelajaran-atas-talian-untuk-pembelajaran-sepanjang-hayat/>

11. Hasnah Hussiin. (2020). *Manfaatkan Penggunaan Teknologi Dalam Masa PKP*. Dilihat 28 Februari 2021 dari <http://news.ump.edu.my/experts/manfaatkan-penggunaan-teknologi-dalam-masa-pkp>
12. Abdul Rasid Jamian. (2020). *Pentaksiran holistik cungkil bakat generasi masa depan*. Dilihat pada 2 Disember 2020 dari <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2020/04/678131/pentaksiran-holistik-cungkil-bakat-generasi-masa-depan>
13. Muzaffar Syah Mallow. (2020). *Pengajaran dan pembelajaran dalam talian*. Dilihat pada 2 Disember 2020 dari <https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=1853908>
14. Bernama. (2020). *COVID-19: Pendidikan menerusi dunia maya cabaran baharu buat guru*. Dilihat 28 Februari 2021 dari <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/689322/covid-19-pendidikan-menerusi-dunia-maya-cabaran-baharu-buat-guru>
15. Mohd Khairul Anam Md Khairudin. (2021). *Skor A karangan Bahasa Melayu SPM, Cikgu Haslindar mahu calon fokus penanda wacana*. Dilihat <https://www.gpsbestari.com/tip/tip-mengajar/skor-a-karangan-bahasa-melayu-spm-cikgu-haslindar-mahu-calon-fokus-penanda-wacana-1.937825>
16. Mstar. (2021). *Cikgu viral DidikTV sedia perbaiki kelemahan, terima ribuan kata-kata semangat - “Saya bangga jadi guru”*. Dilihat 28 Februari 2021 dari <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2021/02/20/cikgu-viral-didiktv-sedia-perbaiki-kelemahan-terima-ribuan-kata-kata-semangat-dari-netizen--saya-bangga-jadi-guru>